



MENTERI Pendidikan, Datuk Seri Mahdzir Khalid. - Foto Ahmad Irham Mohd Noor.

Pelan pendidikan ditambah nilai sejajar TN50



Oleh Mohd Azrone Sarabatin

azrone@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 akan ditambah nilai selaras dengan Transformasi Nasional 2050 (TN50).

Menteri Pendidikan, Datuk Seri Mahdzir Khalid, berkata dasar termaktub dalam pelan pembangunan itu akan diteruskan dalam TN50 menerusi penambahbaikan sejajar perkembangan semasa.

Katanya, penambahbaikan mencakupi penggunaan teknologi digital dalam pendidikan bertepatan Pembelajaran Abad Ke-21.

Beliau berkata, bahan pengajaran dan pembelajaran juga akan dipertingkatkan untuk melahirkan pelajar bertaraf global yang memanfaatkan pendidikan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT).

"Kita mahu kejayaan pelajar bersifat holistik merentasi akademik, kurikulum, kokurikulum dan pentaksiran psikometrik.

"Penguasaan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) di sekolah juga akan dipertingkatkan sejajar TN50," katanya kepada media selepas menghadiri Majlis Santai Anak Padang Terap, di Taman Tasik Titiwangsa, di sini, hari ini.

Lebih 600 anak Padang Terap bermastautin di Lembah Klang menghadiri program itu.

Yang turut hadir, EXCO Kedah yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kuala Nerang, Datuk Badrul Hisham Hashim dan ADUN Pedu, Kama Noriah Ibrahim.

Enam aspirasi murid termaktub dalam PPPM 2013-2025 ialah melahirkan murid yang mempunyai pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian serta identiti nasional.

Dalam pada itu, Mahdzir yang juga Ahli Parlimen Padang Terap berkata, Projek Bandaraya Getah atau Rubber City di Padang Terap yang dilaksanakan sejak 2007 akan siap sepenuhnya dalam tempoh tiga atau empat tahun.

Katanya, projek itu bukan saja membantu meningkatkan pengeluaran dan teknologi getah tetapi memberi pendapatan kepada penduduk menerusi ekonomi hiliran.

"Insya-Allah, tahun depan Parlimen Padang Terap akan memiliki sekolah berasrama penuh. Kita sudah memohon kepada kerajaan Pusat dan menunggu kelulusan untuk memulakan pembinaan," katanya.